

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Berita Harian M/s 14 Nasional 3/6/2025 (Selasa)

Durian import diperam undang risiko penyakit kronik, barah

Penggunaan etefon untuk matangkan buah akan terurai menjadi gas etilena, boleh jejakkan kesihatan

Oleh Saadijah Ismail
saadijah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Durian import yang banyak memasuki pasaran sekarang menggunakan bahan kimia untuk pengeraman, iaitu 'ubat' untuk mematangkan buah yang membawa risiko penyakit kronik, termasuk barah.

Profesor Jabatan Perniagaan Tani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Norsida Man, berkata memang terdapat bahan kimia dikenali etefon yang banyak digunakan dalam industri pertanian.

Katanya, etefon (2-chloroethylphosphonic acid) ialah bahan sintetik yang akan terurai menjadi gas etilena apabila diserap oleh buah atau terdedah kepada kelembapan dan suhu tertentu.

"Bahan itu bertindak balas dengan air dalam tisu buah untuk melepaskan gas etilena, iaitu hormon semula jadi tumbuhan yang mencetuskan pro-

ses pematangan.

"Jika buah belum cukup matang ketika dipetik, pematangan itu tidak sempurna iaitu buah akan nampak masak, tapi tekstur tidak sekata, aroma kurang kuat dan rasa kurang mendalam," katanya.

Kesan toksik

Norsida berkata, etefon dibenarkan di banyak negara, tetapi ada had residu maksimum (MRL) yang mesti dipatuhi.

Katanya, kesan toksik akan berlaku jika bahan itu digunakan secara berlebihan atau tidak melalui tempoh peram yang cukup sebelum dijual kerana etefon memerlukan tiga hingga tujuh hari untuk residu terurai.

"Dalam dos kecil dan jika digunakan dengan betul, bahan ini tidak berbahaya. Tetapi apa yang memberikan kebimbangan penggunaan ialah jika digunakan secara tidak terkawal, terutama dalam


industri eksport besar-besaran untuk mengejar untung," katanya.

Norsida berkata, kesan penggunaan etefon ialah rasa dan bau buah tidak asli, tekstur berbeza dan kualiti tidak stabil.

"Selain itu, potensi kesan kesihatan jika penggunaan etefon melebihi paras dibenarkan seperti gangguan hormon dan ma-

salah organ dalam jangka panjang.

"Isu ini mencerminkan dilema di antara keperluan pasaran moden dan kualiti makanan asli, iaitu akhirnya dalam jangka panjang, kesedaran pengguna



Lambakan durian yang diimport dari negara luar dikuatiri menggunakan bahan kimia untuk proses pematangan. (Foto hiasan)

mengenai isu ini mungkin mendorong kepada permintaan durian yang lebih asli dan bebas manipulasi kimia," katanya.

Di Thailand umpamanya, Norsida berkata, terdapat beberapa kawasan penanaman durian, iaitu di selatan, timur dan tengah negara menjadikan musimnya agak panjang.

Katanya, musim utama antara Mac hingga Julai, manakala di kawasan selatan yang berhampiran sempadan Malaysia, musim itu boleh berlanjutan hingga September.

"Di negara ini terutama di Pahang, Johor, Perak dan Pulau Pinang, musim utamanya ialah antara Mei hingga Ogos.

"Musim kedua sekiranya ada, boleh berlangsung antara No-

vember hingga Januari tetapi bergantung kepada cuaca dan kawasan," katanya.

Dekan Pusat Pengajian Citra merangkap Pakar Perubatan Kesihatan Awam Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata bahan kimia seperti cucurmin dan etefon adalah bahan yang dicampur ketika ingin menuai buah berkenaan.

Katanya, walaupun curcumin berasal daripada pokok kunyit, penggunaannya sebagai pewarna tidak disahkan di Hong Kong.

"Etepon pula ialah bahan untuk memudahkan buah cepat matang. Hong Kong mengkategorikan ia sebagai antara bahan pencegah serangan dan boleh me-

nyebabkan kesan seperti kerengsaan kulit, loya, pening dan kepada sistem otak.

"Walaupun kandungan bahan ini rendah paras bahaya, China melarang penggunaannya, manakala Amerika Syarikat pula menggunakan untuk tumbuhan ladang, selain berpotensi mencemarkan kehidupan air, tanah dan udara.

"Pertubuhan Kesihatan Dunia juga mengenal pasti bahan ini sebagai kumpulan karsinogen (penyebab kanser) jenis 2B.

"Jadi, memandangkan beberapa negara maju sudah mengesan buah tercemar itu, pihak berkuasa di negara ini juga perlu menjalankan pemeriksaan kemasukan buah disalut bahan kimia berkenaan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Import, kilang, edar cecair e-rokok masih dikawal Akta 852

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan sebarang aktiviti pengimportan, pengilangan dan pengedaran cecair rokok elektronik (e-rokok) di pasaran tempatan masih dikawal mengikut Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] serta beberapa peraturan agensi lain.

Kementerian itu berkata, pengeluaran Lesen Pengilang adalah di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Mala-

ysia (MIDA), bukannya di bawah seliaannya.

Kenyataan itu dikeluarkan berikutan laporan mengenai sebuah syarikat yang mendapat lesen pengilang bagi mengeluarkan peranti e-rokok dengan cecair atau gel yang mengandungi campuran nikotin secara interim.

Mengikut Seksyen 2, Akta 852, cecair e-rokok ditafsirkan sebagai bahan merokok, oleh itu bahan merokok ini adalah produk merokok yang dibenarkan untuk didagangkan di pasaran tempatan, namun dikawal ketat

di bawah Akta 852 bersama peraturan dan perintah di bawahnya.

Kawalan produk merokok

"Kawalan produk merokok ini juga dikawal oleh pelbagai agensi kerajaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui kawalan pengimportan, termasuk bahan mentah, barangan siap dan pengujian piawaian keselamatan peranti pula oleh SIRIM.

"Ia dikuatkuasakan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Peranti

Rokok Elektronik (*Vape Device*) 2022 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya.

Justeru, katanya, sebarang keputusan berkaitan aktiviti pengimportan, pengilangan dan pengedaran cecair e-rokok adalah keputusan kolektif oleh semua agensi kerajaan terbabit.

"Akta 852 juga memperuntukkan kuasa kepada KKM untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kandungan dan emisi semua jenis pro-

duk merokok.

"KKM komited untuk memastikan penguatkuasaan dan kawalan di tahap maksimum bagi memastikan perlindungan kesihatan dan keselamatan masyarakat, sejajar dengan nilai MADANI yang merangkumi kemampanan dan kesejahteraan.

"KKM akan sentiasa memastikan tiada sebarang kompromi dalam apa juga aspek yang menyetujui perkhidmatan kesihatan kepada rakyat negara ini khususnya dalam penggunaan bahan-bahan rawatan dan perubatan," katanya.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

The Sun M/S 4 National 3/6/2025 (Selasa)

paper /thesun

Skipping meals could spell trouble for your health

► Experts link missed breakfasts and late-night snacks to higher gallstone risk and digestive problems

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: That skipped breakfast or late-night snack might seem harmless but over time such habits can quietly raise the risk of developing gallstones, medical experts warn.

Universiti Malaysia Terengganu food biochemistry and biophysics lecturer Assoc Prof Dr Mohamad Khairi Zainol referred to a study published in *Frontiers in Nutrition*, which found that individuals who frequently skip breakfast face a 20% to 30% higher risk of gallstone formation.

"One study revealed that 4.5% of participants had cholesterol-saturated bile after fasting for nine hours, a figure that soared to 54.5% after 16 hours," he said.

He also warned against regular late-night snacking on high-fat foods

as bile secretion naturally slows in line with the body's circadian rhythm.

"When fat-rich foods are consumed during this period bile doesn't flow effectively, resulting in higher concentration and an increased risk of crystallisation," he explained.

Irregular meal timings disrupt the gallbladder's normal contractions, leading to bile stasis.

Such eating patterns are also linked to higher calorie intake, poor dietary quality and greater metabolic stress.

A study featured in *EatingWell* found that eating after 8pm could double the risk of digestive discomfort, while meals between 5pm and 7pm were better aligned with the body's natural rhythm and supported healthier bile flow.

Khairi noted that bile plays a vital role in breaking down fats and absorbing fat-soluble vitamins such as A, D, E and K.

"Disrupted eating patterns impair these functions and can negatively affect overall digestive health," he said.

To support healthy bile flow and gallbladder function, he recommended a diet rich in fibre, healthy fats, bitter herbs and hydrating foods.

"Leafy greens, whole grains, olive oil, avocados and probiotic-rich foods are excellent options,"

he added.

"At the same time, refined carbohydrates, fried foods and excessive alcohol should be avoided."

Cengild GI Medical Centre senior consultant gastroenterologist and hepatologist Datuk Dr Tan Huck Joo explained that gallstones form when there is a chemical imbalance in bile, most often due to excessive cholesterol.

"When the liver produces more cholesterol than bile can dissolve, soft cholesterol stones may develop," he said. "In other cases, excess bilirubin results in pigment stones, which are harder and black in colour."

Poor gallbladder emptying - often caused by skipping meals - leads to bile stagnation, creating ideal conditions for stone formation.

While some people experience symptoms such as upper abdominal pain, bloating or back pain, many remain symptom-free.

"These silent gallstones often go undetected and may not require treatment."

"However, if complications such as inflammation, infection or a blocked bile duct arise, symptoms such as fever or jaundice can occur," he said.

In more serious cases, conditions such as empyema (pus in the gallbladder), acute pancreatitis or severe infection may develop.

"After meals, the gallbladder contracts to release bile into the small intestine. Skipping meals reduces this contraction, leading to bile stasis," he said.

He also highlighted that women are particularly susceptible due to higher oestrogen levels, which increase cholesterol in bile and reduce gallbladder motility.

"Those over 40 are also more at risk as metabolic processes slow with age, affecting bile composition and gallbladder function."

Obesity is another significant risk factor as an overweight individual's liver produces more cholesterol than bile can process.

"Rapid weight loss contributes too, it causes the liver to release more cholesterol, upsetting the bile's delicate balance," he said.

Beyond gallstones, skipping meals can destabilise blood sugar levels, increase insulin resistance and elevate the risk of chronic conditions such as diabetes.

Irregular eating habits may also lead to overeating, digestive problems, anxiety, poor memory and hormonal imbalances.

"For young women, these behaviours can even lead to irregular or missed periods."

He added that although gallbladder cancer is rare, long-term inflammation caused by untreated gallstones could increase the risk over time.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : GAYA

20 Utusan Malaysia SELASA • 3 JUN 2025 Utusan Malaysia m/s 20 (Gaya) 3/6/2025 (Selasa) Gaya

Buta angkara kanta lek

Oleh ROSALINDA MD SAID
rosalinda.said@mediamalaysia.com.my

IMPIAN untuk tampil bergaya dengan kanta lekap dibeli dalam talian hampir meragut penglihatan segelintir wanita di negara ini.

Pengalaman ngeri itu dikongsi Ayu, 23, (bukan nama sebenar) yang mula berasa tidak selesa pada bahagian mata selepas beberapa hari menggunakan kanta lekap yang dibeli di platform e-dagang.

Bermula dengan rasa berpasir, matanya kemudian menjadi merah, berair, bengkak, pedih dan semakin sensitif terhadap cahaya.

Kedua bertambah buruk apabila penglihatannya mula kabur hingga memaksanya mendapatkan rawatan kecemasan di hospital.

Hasil pemeriksaan mendapati dia mengalami jangkitan serius pada kornea.

Sehingga kini, Ayu masih menjalani rawatan dan belum pulih sepenuhnya.

Presiden Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia (PAOM), Prof. Dr. Bariah Mohd. Ali berkata, trend pembelian kanta lekap dalam talian tanpa nasihat pakar merupakan tindakan berisiko tinggi.

Ujarnya, ramai pengguna terutama golongan muda tidak menyedari kanta lekap adalah alat perubatan, dan bukan sekadar barangan kosmetik.

Justeru, pembeliannya memerlukan preskripsi dan pemeriksaan menyeluruh oleh juruoptik berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia (MOC).

"Kanta lekap berwarna yang tidak berkualiti lazimnya mengandungi pigmen mudah teranggal dan boleh melekat pada permukaan mata.

"Ia sekali gus menyebabkan infeksi seperti ulser kornea, keradangan dan buta.

"Malah, kajian turut mendapati risiko penyakit mata itu meningkat sehingga lima kali ganda jika memakai kanta lekap dalam talian," katanya.

Kanta lekap adalah alat bantuan optik diperbuat daripada polimer khas yang dipasangkan di atas permukaan anterior mata untuk tujuan tertentu.

Pada awalnya, kanta lekap direka untuk tujuan rawatan penyakit okular.

BAHAYA KANTA LEKAP

Tidur dengan kanta lekap boleh menyekat oksigen ke mata hingga 90 peratus. Akibatnya, kornea menjadi lemah dan mudah dijangkiti bakteria.

Kanta lekap tidak boleh hilang di belakang mata, namun boleh tersangkut di bawah kelopak jika tidak dipasang atau ditanggalkan dengan betul.

Namun, dengan perkembangan teknologi, fungsi kanta lekap makin meluas termasuk membetulkan ralat refraksi, memulihkan penglihatan dan sebagai medium penghantaran ubat untuk rawatan penyakit mata.

GEJALA

Rata-rata pengguna kanta lekap dalam talian hanya menyedari risikonya apabila keadaan mata sudah di tahap serius.

Justeru, penting untuk seseorang mengenali tanda-tanda awal jangkitan mata yang kerap diabaikan.

Ia bermula dengan rasa berpasir atau benda asing di dalam mata disusuli dengan kemerahan, pedih, berair dan rasa tidak selesa yang berterusan.

Mata turut menjadi sensitif terhadap cahaya, malah penglihatan semakin kabur atau tidak jelas.

Bariah yang juga pensyarah optometri dan sains penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, gejala ini boleh mengandungi kecacatan kekal pada penglihatan jika tidak dirawat segera.

"Jika mata tiba-tiba merah serta sakit, hentikan pemakaian kanta lekap serta-merta dan dapatkan rawatan di klinik berhampiran," katanya.

Tambahnya, populariti pemakaian kanta lekap semakin meningkat saban tahun, sekali gus mendedahkan lebih ramai pengguna kepada risiko jangkitan, terutama apabila dibeli dalam talian.

Apatah lagi dengan harganya yang sangat murah, sekali gus memudahkan akses oleh remaja dan pengguna kali pertama.

"Di rantau Asia, pemakaian kanta lekap selalunya atas tujuan kosmetik demi untuk mengubah warna atau membesarkan saiz iris.

"Malah, di Malaysia, ia turut dijual atau disewakan kepada pengantin untuk tampil lebih berseri di hari bahagia masing-masing.

"Aktiviti penjualan dan penyewaan ini amat berbahaya dan harus dihentikan kerana risiko infeksi kornea adalah sangat tinggi, terutama jika kanta lekap itu dikongsi," katanya.

KAEDAH PENJAGAAN

Bagi mengelakkan sebarang komplikasi, pemakaian kanta lekap memerlukan penjagaan rapi dan disiplin tinggi.

Setiap hari, kanta lekap perlu ditanggalkan, dicuci dan direndam dalam larutan khas sekurang-kurangnya semalaman sebelum boleh digunakan semula.

PROSES penilaian pemasangan kanta lekap perlu mengikut spesifikasi tepat bagi mengelak jangkitan pada

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : GAYA


ap dalam talian

Ulser kornea boleh terbentuk dalam masa 24 jam sahaja. Jika kanta tercemar atau terlalu ketat, bakteria boleh menyerang dengan pantas dan merosakkan tisu mata.



ANTARA contoh kanta lekak yang dijual di platform e-dagang.

Kanta lekak boleh menyimpan kuman walaupun nampak bersih.



JANGKITAN kornea akibat pemakaian kanta lekak termasuk yang dibeli dalam talian.



“Kajian turut mendapati risiko penyakit mata itu meningkat sehingga lima kali ganda jika memakai kanta lekak dalam talian.”

BARIAH MOHD. ALI

keesokannya.

Malah, tangan juga mesti dibersihkan sebelum menyentuh kanta lekak bagi mengelakkan jangkitan kuman.

Kata Bariah, kanta lekak perlu dicuci menggunakan larutan nyahprotein sekurang-kurangnya seminggu atau sebulan sekali bergantung kepada keadaan permukaan

kanta.

“Ini penting untuk menanggalkan kotoran yang terkumpul seperti protein dan lipid yang boleh menjejaskan keselesaan serta kebersihan kanta lekak,” katanya.

Selain itu, setiap jenis kanta lekak mempunyai jangka hayat tertentu sama ada harian atau bulanan dan perlu dibuang mengikut tempoh disyorkan.

Beliau turut menyarankan penggunaan ubat pelembap bagi mengurangkan simptom mata kering atau rasa berpasir ketika memakai kanta lekak.

Tambahnya, semua arahan penjagaan itu biasanya diberikan secara terperinci oleh juruoptik semasa proses pembelian.

Justeru, pembelian daripada saluran yang sah dan berlesen sangat penting bagi mendapatkan bimbingan betul.

“Kebiasaannya, pemakaian kanta lekak yang disyorkan adalah antara 10 hingga 12 jam sehari.

“Namun, tempoh itu turut bergantung kepada jenis material kanta lekak dan tujuan pemakaian,” katanya.

Bariah turut menggalakkan pengguna membuat pemeriksaan lanjutan setiap tiga ke enam bulan untuk memastikan kesihatan mata kekal berada dalam keadaan baik.

GOLONGAN TIDAK SESUAI PAKAI KANTA LEKAP

Walaupun kanta lekak sering digunakan untuk tujuan kosmetik atau bergaya, hakikatnya bukan semua orang boleh menggunakannya.

Menurut Bariah, kira-kira 10 peratus populasi dunia dikesan tidak sesuai memakai kanta lekak kerana masalah kesihatan tertentu.

Antaranya, individu yang mengalami masalah mata kering kronik, ekzema, pesakit diabetes dan perokok tegar.

Semua faktor itu boleh menjejaskan keselesaan dan meningkatkan risiko jangkitan atau keradangan apabila memakai kanta lekak.

Oleh itu, pemeriksaan mesti dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan sama ada sesuai untuk menggunakan kanta lekak.